

26 SEP 2000

Mahathir-Jantina/I

KETEPIKAN RETORIK, LAKSANAKAN PROGRAM UNTUK WANITA: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masanya sudah tiba bagi kerajaan-kerajaan di Asia-Pasifik mengotakan kata-kata indah mereka mengenai perspektif jantina dalam perancangan pembangunan.

Perdana Menteri berkata rancangan itu hendaklah dilaksanakan dengan cara yang berkesan supaya benar-benar memberi faedah kepada wanita daripada golongan miskin di bandar dan di desa.

Beliau berkata dasar dan program yang memberi perhatian kepada soal jantina akan menjamin penyertaan wanita, tidak sahaja dalam pembasmian kemiskinan tetapi juga dalam aktiviti ekonomi lain yang akhirnya akan membantu keranaan dengan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Dr Mahathir berucap merasmikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Pemandu Serantau bagi Kemajuan Ekonomi Wanita Desa Dan Kepulauan Asia-Pasifik (RSC-AP) di sini hari ini.

Beliau berkata dalam menggalakkan kesedaran jantina rangkaian strategik perlu diwujudkan dengan perancang dan penasihat ekonomi meliputi keseluruhan jentera pentadbiran kerajaan.

Dr Mahathir berkata di Malaysia kerajaan sudah mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan segala halangan yang berasaskan jantina.

Amanah Ikhtiar Malaysia telah ditubuhkan dengan peruntukan permulaan RM200 juta selain peruntukan kerajaan sebanyak RM50 juta untuk melaksanakan projek rakan pintar untuk wanita dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita.

"Langkah selanjutnya mesti dilakukan untuk memastikan wanita dimasukkan dalam arus utama, dan belanjawan untuk wanita akan diberikan keutamaan tertinggi," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dalam aspek ini jantina atau "gender" tidak merujuk kepada jenis lelaki atau perempuan, tetapi kepada corak pemikiran sesuatu masyarakat tentang apa yang dianggap sebagai "wajar dan boleh diterima mengenai peranan dan tingkah-laku lelaki dan wanita."

Walaupun dalam masyarakat atau budaya konservatif, peranan tradisional lelaki disebut sebagai pencari nafkah dan wanita sebagai orang rumah, dalam masyarakat maju konsep itu berubah mengikut keperluan masyarakat berkenaan yang merujuk kepada peranan lelaki dan wanita di rumah, dalam masyarakat dan dalam pembinaan negara.

"Ia berasaskan kepada kemampuan, kemahiran dan kecekapan individu sebagaimana yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan, sektor korporat, kerajaan dan bagi pembangunan keluarga dan masyarakat," katanya.

Beliau berkata malangnya corak pemikiran tradisional mengenai kepercayaan, sikap dan tanggapan yang serong terhadap kebolehan wanita, telah menguasai logik, pengetahuan dan pemerhatian tentang kemampuan dan kebolehan sebenar wanita.

Dr Mahathir berkata di tempat kerja, pekerja wanita selalunya dipandang sebagai "seorang suri, ibu, kakak atau adik, pekerja pinggiran dan sebagai objek seks" manakala dalam gerakan kenaikan pangkat, adalah dianggap yang peluang diberikan secara saksama kepada semua, lelaki dan wanita.

Perdana Menteri berkata lelaki dan wanita mempunyai kelebihan, kekuatan dan kelemahan masing-masing dan Allah telah memerintahkan supaya lelaki dan wanita menggunakan kelebihan mereka untuk saling bantu-membantu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan adil dan saksama.

"Malangnya, wanita telah didiskriminasikan kerana perbezaan itu. Perbezaan bukanlah bermakna taraf yang tidak sama; namun wanita mendapat layanan yang tidak sama kerana perbezaan mereka dengan lelaki - dari segi fikiran, perasaan dan tingkah-laku," kata beliau.

Keadaan itu memerlukan sikap yang sensitif terhadap wanita khususnya

bagi kalangan penggubal dasar, perancang ekonomi, pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta, katanya.

Ini bagi mengingatkan mereka tentang pentingnya mengambil kira keperluan golongan wanita apabila menggubal dasar, merancang program pembangunan dan menyusun strategi.

Perdana Menteri berkata dasar dan program yang memberi perhatian kepada wanita seharusnya menjadi salah satu keutamaan untuk diambil tindakan dalam agenda nasional untuk wanita dan pembangunan.

Mengenai RSC-AP, Dr Mahathir berkata ia merupakan persatuan yang istimewa di kalangan Wanita Pertama yang telah menggunakan kedudukan mereka secara strategik sebagai isteri Ketua Kerajaan untuk membantu dan menyuarakan isu kritikal bagi pihak wanita desa dan kepulauan yang miskin dan terpinggir.

Beliau berkata sebagai pertubuhan bukan politik, RSC-AP boleh bertindak sebagai pemangkin bagi perubahan dan usaha pembasmian kemiskinan dan para Wanita Pertama itu wajar meneruskan perjuangan mereka untuk mendapatkan sokongan politik dan kewangan bagi faedah wanita berkenaan.

"Peranan puan-puan sebagai pemangkin hendaklah turut merangkumi usaha mengadakan perkongsian antara kerajaan-kerajaan, NGO, masyarakat umum, supaya hasil yang segera dapat diperolehi dalam mencari keseimbangan antara sumber dan keperluan wanita desa," katanya.

Beliau berkata kemudahan yang ada pada Wanita Pertama dalam perhubungan dengan pembuat keputusan peringkat tinggi boleh menyenangkan usaha mendapatkan input ke arah menggubal dasar dan merancang program daripada sudut pandangan wanita, dengan mensasarkan kepada kemajuan ekonomi wanita.

Dr Mahathir berharap mesyuarat dua hari itu akan membincangkan isu mengenai perlunya meningkatkan keyakinan diri di kalangan wanita desa selain daripada memupuk dan meningkatkan kuasa wanita.

-- BERNAMA

HS AHH RYN NMO